

Pembantu Muhyiddin terkejut
Malaysiakini.com
April 11, 2011

Sebuah helikopter terhempas tengahari tadi sejurus selepas dari Dataran Sibul selepas menurunkan tiga orang penumpang, termasuk pembantu khas kepada Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Juruterbang helikopter itu, satu-satunya yang berada di dalam pesawat itu ketika kejadian, dihantar segera ke Hospital Sibul untuk rawatan.

Keadaan juruterbang itu masih belum diketahui.

Setiausaha Akhbar Muhyiddin, Hafiz Abdul Halim yang ketika itu sedang berjalan menuju ke RH Hotel, kira-kira 100m dari dataran itu terkejut dengan kejadian itu.

"Helikopter itu tidak mengalami apa-apa masalah semasa kami berlepas dari Bintangor atau semasa dalam penerbangan. Saya sedang berjalan menuju hotel apabila saya dengar ia terhempas," kata Hafiz yang sebelum itu menaiki helikopter itu bersama-sama dua pegawai keselamatan.

Muhyiddin dan pegawai khas beliau yang menaiki helikopter berasingan turut mendarat di dataran yang sama sebelum kejadian itu. Mereka juga baru pulang dari Bintangor.

"Timbalan Perdana Menteri dan rombongannya selamat," kata Hafiz.

Helikopter itu yang disewa daripada Sabah Air kini berada dalam kedudukan mengiring ke sebelah kanan di atas padang di dataran itu selepas terhempas.

Seorang saksi kejadian itu berkata beliau terdengar bunyi letupan tetapi tiada api dilihat pada pesawat itu.

"Meletup tetapi tak ada api," kata Ipah Philip, 54, seorang tukang cuci.

Seorang lagi saksi, Mohamed Nazri Zakaria menyaksikan nahas itu dari biliknya di tingkat 13 hotel itu.

"Penumpangnya sudah turun dan helikopter mahu berlepas semula. Juruterbangnya kelihatan cedera dan dibawa oleh ambulans," katanya.

Dua daripada helikopter berkenaan sudah berlepas untuk kembali semula ke Lapangan Terbang Sibul. Helikopter yang ketiga itu juga dijadual berbuat demikian.

Bintangor ialah kira-kira 20 minit penerbangan dari Sibul.

- Bernama